

13 DEC 1996

Litar lumba

PERUNDING M'SIA-JERMAN DILANTIK BINA LITAR LUMBA FORMULA-1

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Sebuah syarikat Malaysia Iktisas Enginieurs Sdn Bhd dan pakar litar lumba Jerman Tilke Ingenieure Fur Umwelttechnik hari ini dinamakan sebagai perunding bersama bagi pembinaan litar lumba Formula Satu Malaysia yang akan dibina di Sepang.

Satu perjanjian ditandatangani antara kedua-dua syarikat itu dan Malaysia Airports Berhad, yang akan menjalankan projek berharga RM150 juta itu, di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengerusi Malaysia Airports Tan Sri Bashir Ismail hadir pada majlis itu.

Malaysia Airports diwakili pengarah urusannya Datuk Khairuddin Ibrahim dan pengarah eksekutif Adnan Shamsuddin.

Tilke diwakili presiden Hermen Tilke dan pengarah perjawatan Dirk Schneider manakala pengerusi Iktisas Azme Idris dan timbalan pengerusi Wan Ahmad Nizar Zakaria menandatangani bagi pihak syarikat mereka.

Litar lumba Formula Satu itu, yang pertama di rantau ini, akan dibina di km 4.5 barat daya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang sedang dalam pembinaan.

Tilke, yang mempunyai pengalaman luas dalam merekabentuk litar lumba Formula Satu dan projek-projek kejuruteraan sivil yang lain, diberikan tugas sebagai perunding bagi merekabentuk, menguruskan pembinaan dan menggunakan litar lumba dan kemudahan berkaitan yang lain.

Mengikut perjanjian itu, Iktisas dan Tilke akan menyediakan input kejuruteraan sokongan bagi projek itu. Perlantikan Iktisas akan membolehkan pemindahan teknologi kepada Malaysia bagi pembangunan kemudahan Formula Satu yang lain.

Sejak Oktober, Malaysia Airports dan kedua-dua perunding itu telah merangka satu pelan induk bagi projek itu.

Selain perlumbaan Formula Satu, litar lumba sepanjang 5.6km itu akan digunakan untuk acara sukan bermotor dalam negeri dan antarabangsa yang lain seperti kejohanan Formula Tiga.

Malaysia akan menganjurkan Grand Prix Formula Satu buat kali pertama pada tahun 1999.

Dr Mahathir menyaksikan Grand Prix Portugal pada September lepas dan menemui presiden Persatuan Pembuat Kereta Formula Satu Bernie Ecclestone, yang bersetuju agar Malaysia disenaraikan dalam sirkit lumba kereta dunia dan menganjurkan grand prixnya yang pertama dalam masa tiga tahun.

Pada 26 Nov, kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian untuk menaja pasukan Stewart-Ford yang dimiliki juara dunia sebanyak tiga kali Jackie Stewart.

Malaysia akan menaja pasukan Stewart-Ford sebanyak 5.12 juta pound (RM20.5 juta) setahun selama dua musim bermula tahun depan. -- BERNAMA

AD AKD